



PARA perwakilan Kongres Pertama Melayu bergambar beramai-ramai di pekarangan Kelab Sultan Sulaiman di Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Kelab Melayu tertua

Kosmo m/s 20.6.3.07

Apakah cerita yang tersirat di sebalik penubuhan Kelab Sultan Sulaiman sejak tahun 1909 ini?

Oleh ROSLIWATY RAMLY

KELAB Sultan Sulaiman di Kampung Baru, Kuala Lumpur merupakan kelab orang Melayu tertua dan yang terkemuka di negara ini pada satu ketika dahulu.

Sejak ditubuhkan pada 1909, ia menyaksikan pelbagai peristiwa penting yang kini tercatat dalam lipatan sejarah negara.

Justeru, untuk mengembalikannya zaman kegemilangannya agar tidak dilupakan oleh generasi baru, empat tokoh telah mengisahkan pengalaman mereka dalam penubuhan, perkembangan dan kemajuan serta aktiviti kelab itu.

Pengisahan mereka dihebahkan pada Majlis Pengisahan Sejarah Kelab Sultan Sulaiman anjuran Arkib Negara Malaysia pada 10 Ogos 2006. Empat tokoh pengisah itu ialah ahli politik veteran, Tan Sri Aishah Ghani, Tan Sri Dr. Abdul Majid Ismail, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Latif Ahmad dan Datuk Abdul Ghani Minhat.

Sehingga tahun 1967, ia dikenali sebagai Sultan Sulaiman Club sempena nama Sultan Selangor ketika itu, Sultan Aladdin Sulaiman Shah ibni Almarhum Raja Muda Musa yang memerintah dari tahun 1898 hingga 1938.

Pada tahun 1899, Kampung Baru dikenali sebagai Malay Agricultural Settlement (M.A.S). Penduduknya sering mengadakan perjumpaan di sebuah pondok yang dibina secara bergotong-royong.

Pada tahun 1901, beberapa orang penduduk Kampung Baru telah mendaftarkan aktiviti mereka sebagai sebuah kelab tetapi ia belum dikenali sebagai Kelab Sultan Sulaiman.

Hanya pada tahun 1909, bangunan Kelab Sultan Sulaiman didirikan di atas tanah yang diwakafkan oleh Sultan Selangor. Ia dibina hasil sumbangan Kerajaan Inggeris sebanyak RM500 dan kutipan derma orang ramai serta melalui pertunjukan kebudayaan yang sering diadakan untuk menambah tabung kewangan kelab.

Kelab ini adalah khusus untuk kepentingan dan kegunaan orang Melayu.

Penubuhannya didorong oleh penubuhan kelab-kelab bagi bangsa lain di Tanah Melayu ketika itu seperti Jawa Peranakan Club dan Penang Peranakan Club.

Pegawai-pegawai Inggeris juga telah menubuhkan kelab mereka sendiri pada tahun 1890-an yang dikenali sebagai Selangor Club. Lantaran ketia-

DAHULU orang Melayu sering mengadakan persidangan di sini.



daan kelab khas untuk orang Melayu khususnya bagi kalangan pegawai-pegawai Melayu maka ia telah mendorong penduduk Kampung Baru untuk menubuhkan sebuah kelab bagi tujuan perjumpaan dan bermesyuarat.

Ahli-ahli kelab terdiri daripada penduduk di sekitar Kampung Baru, pegawai-pegawai Melayu yang bekerja dengan British, golongan kerabat diraja dan orang kenamaan.

Pada peringkat awal, jawatan Yang

Dipertua kelab dipegang oleh pegawai-pegawai tadbir Ingggris. Yang Dipertua pertama kelab itu ialah Tuan Stoney, kemudian C. J Perkins dan Watson. Selepas itu barulah orang-orang Melayu seperti Haji Hussein, Mohd Amin Pasar dan Datuk Mahmud Ambak.

Bangunan pertama kelab itu didirikan pada tahun 1909 secara bergotong-royong oleh penduduk kampung.

Reka bentuknya berunsurkan seni bina Melayu yang berbentuk Minang dengan struktur pembinaannya daripada kayu cengal, berdinding papan dan beratapkan daun nipah.

Terdapat beberapa buah bilik bacaan dan ruang untuk bermesyuarat. Pada tahun 1914, penduduk Kampung Baru memohon ditambah struktur asal bangunan terutama yang melibatkan ruang bacaan memandangkan ia menerima kunjungan ramai.

Bagaimanapun, bangunan itu tidak dapat digunakan lama kerana pada Disember 1930, ia musnah dalam kebakaran menyebabkan aktiviti kelab terhenti seketika.

Yang Dipertua Kelab ketika itu, Raja Tun Uda Raja Mohamed, berusaha mendirikan semula bangunan kelab pada tahun 1932 yang berdindingkan papan dan beratapkan genting.

Setelah bertahan selama 35 tahun, keadaannya yang kian uzur menyebabkan ia ditinggalkan tanpa sebarang aktiviti untuk sekian lama dan akhirnya pada tahun 1967, bangunan itu dirobohkan.

Usaha untuk membina semula bangunan kelab diteruskan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui surat permohonan Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris, pada April 1967 kepada Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein.

Akhirnya, bangunan baru yang dinamakan Dewan Sultan Sulaiman menjadi kenyataan hasil kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor. Ia dirasmikan oleh Tun Abdul Razak pada 30 April 1969.

Bangunan baru itu terbahagi kepada dua, Dewan Orang Ramai dan Kelab Sultan Sulaiman. Dewan Orang Ramai boleh memuatkan 1,000 orang dan mempunyai sebuah pentas. Ia digunakan untuk aktiviti

Kosmo m/s 21
6.3.07



PENUBUHAN Kelab Sultan Sulaiman didorong oleh penubuhan kelab-kelab kaum lain di negara ini.

sukan seperti badminton, sepak raga dan bola keranjang. Sebuah bilik perpustakaan turut disediakan untuk kegunaan ahli dan orang ramai.

Di bahagian kelab terdapat sebuah restoran, kantin, bilik biliard, bilik mesyuarat, bar dan asrama untuk anggota, pemain atau pelawat dari luar.

Kelab Sultan Sulaiman memainkan peranan penting dalam sejarah negara.

Selain menjadi tempat pencetus semangat orang-orang Melayu menentang Malayan Union, peristiwa yang paling bersejarah, pastinya Kongres Me-

layu Pertama yang membawa kepada penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO).

Kongres yang dipengerusikan oleh Datuk Onn bin Jaafar ini diadakan dari 1 hingga 4 Mac 1946 dihadiri oleh 107 orang wakil daripada 41 pertubuhan Melayu dari seluruh Tanah Melayu.

Turut hadir ialah 56 orang pemerhati dari setiap negeri di Tanah Melayu dan ribuan rakyat yang membanjiri padang kelab untuk mendengar perbincangan para perwakilan mengenai nasib bangsa Melayu.